



PARA peserta Bengkel Teknik Kamera Video terdiri daripada pelajar UMS dan penggiat industri.

Finas, UMS anjur Bengkel Teknik Kamera Video Lanjutan

UB 14-8-2014 BT6

MENYEDARI kepentingan keperluan tenaga mahir dalam bidang perfileman, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah bekerjasama menganjurkan Bengkel Teknik Kamera Video lanjutan baru-baru ini bertempat di Makmal Che Zulkarnain, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW).

Bengkel itu bertujuan meningkatkan pengetahuan amali mengenai teknik pengendalian kamera video pada peringkat lanjutan. Selain itu, secara praktikal ia mendedahkan para peserta

dengan konsep visual, pencahayaan dan kontra, pergerakan kamera dan penggunaan pelbagai jenis kanta dan filter.

Bengkel itu dikendalikan oleh Indra Che Muda Redzuan, seorang pengarah sinematografi dan videografi berpengalaman dalam bidang perfileman Malaysia.

Beliau telah berkecimpung dalam bidang perfileman lebih 30 tahun dengan filem-filem seperti Sara, Estet, Santau, Jangan Pandang Belakang, Baik Punya Cilok dan banyak lagi.

Menurut Indra, pengetahuan terhadap teknik penggunaan kamera

yang betul sangat penting bagi memastikan wajah (look) sesebuah filem itu konsisten dan sesuai dengan genre sebuah filem yang dihasilkan.

Katanya, penggunaan kanta lensa dan pencahayaan akan mengurangkan risiko kualiti penghasilan filem ketika proses pasca produksi dijalankan.

“Kita harus memastikan proses rakaman dilakukan dengan menggunakan teknik kamera yang betul kerana ada beberapa perkara yang memang tidak akan dapat diperbaiki ketika proses pasca produksi, katanya.

Bengkel yang diadakan

selama lima hari itu disertai oleh para pelajar UMS dan para peserta luar yang terdiri daripada para penggiat industri.

Bengkel itu merupakan sebahagian daripada usaha berterusan pihak Finas dan UMS untuk membangunkan guna tenaga mahir dalam bidang industri kreatif melalui surat niat yang telah ditandatangani pada Februari 2014 yang lalu.

Malah kedua-dua pihak akan menganjurkan beberapa lagi siri bengkel pada tahun ini seperti Bengkel Penerbitan Klip Video, Bengkel Pencahayaan dan Bengkel Pengarahan.